

# S'pura yang lebih inklusif perlu perluas titik persamaan antara warga: DPM Wong

Persidangan IPS tinjau semula kompak sosial, meritokrasi, perumahan dan kemajmukan

► **NUR DHUHA ESOF**  
nurdhuha@sph.com.sg



**USAHA PERKUKUH KOMPAK SOSIAL:** Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong, dalam ucapannya di persidangan Institut Pengajian Dasar (IPS) pada Isnin, bercakap mengenai usaha meninjau semula kompak sosial antara rakyat dengan pemerintah dan menggariskan peri penting kompak yang dianggap adil oleh semua segmen masyarakat. – Foto ST

HALA tuju pembangunan Singapura selanjutnya mestilah lebih inklusif, dengan semangat perpaduan yang diperbaharui berdasarkan konsep kejayaan yang dicapai bersama dan bukan secara bersendirian, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong.

Beliau berkata, konsep “kejayaan bukan individu; kejayaan adalah kolektif” ini bermakna Singapura harus mencari jalan mengukuhkan kepercayaan bersama antara rakyat dan menggalak semua orang melihat melangkaui masyarakat mereka sendiri, untuk bersatu dan meluaskan titik persamaan sebagai warga Singapura.

Demikian sepersetujuan yang dikumpulkan hasil pendampingan dengan warga Singapura di bawah inisiatif *Melakar Hala Tuju Singapura* atau *Forward SG* mengenai rupa bentuk kompak sosial negara ini yang diperbaharui, kata Encik Wong dalam ucapannya di persidangan Institut Pengajian Dasar (IPS) sempena ulang tahunnya yang ke-35 pada Isnin.

Persidangan berjudul *Revisiting* (Meninjau Semula) itu meneroka semula beberapa isu penting yang dihadapi Singapura seperti meritokrasi, perumahan, kemajmukan dan kompak sosial. Penceramah telah mempertimbangkan bagaimana model Singapura itu boleh disesuaikan untuk menangani cabaran baru dengan lebih baik.

Encik Wong, yang juga Menteri Kewangan, telah berucap tentang topik meninjau semula kompak sosial dan menggariskan pentingnya kompak yang dianggap adil oleh semua segmen masyarakat.

“Menerusi perbincangan dengan

warga Singapura yang didampingi sepanjang setahun lalu, terdapat konsensus yang timbul tentang rupa bentuk kompak sosial kita yang disegarkan. Ia berpusat kepada beberapa anjakan utama iaitu pendekatan baru kepada kejayaan dan kemahiran, sistem sokongan sosial yang dirombak dan semangat perpaduan yang diperbaharui,” katanya.

Turut berucap di persidangan itu ialah Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing, Menteri Undang-Undang merangkap Ehwal Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam, dan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Pembangunan Negara), Cik Sim Ann.

Dalam ucapannya mengenai meninjau semula meritokrasi, Encik Chan berkata sistem itu telah membantu Singapura berjaya bagi 50 tahun lalu tetapi ia perlu sentiasa diperkukuh dan dielakkan daripada perangkap agar dapat terus melakukan demikian bagi 50 tahun seterusnya.

“Kita perlu bertanya diri kita bagaimana meritokrasi boleh membantu Singapura menjadi lebih relevan, berdaya saing dan padu dalam 50 tahun akan datang,” kata Encik Chan.

Beliau turut mengumumkan bahawa Anugerah Edusave, yang diberikan kepada pelajar antara lain berdasarkan perwatakan, sifat kepimpinan dan prestasi akademik mereka akan diperluas untuk mengiktiraf mereka yang telah membuat sumbangan kepada sekolah dan masyarakat.

Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Pembangunan Negara), Cik Sim Ann, yang berucap tentang topik meninjau semula perumahan, mengongsi tentang parameter dasar

yang sedang disemak seperti jenis perumahan awam baru untuk memenuhi keperluan warga emas dan golongan bujang, serta cara estet perumahan diklasifikasikan sebagai matang atau bukan matang.

Cik Sim juga mengumumkan bahawa Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) akan menggandakan bilangan flat di bawah Skim Perumahan Sementara Keibubapaan (PPHS), yang menyediakan flat sementara untuk keluarga yang sedang menunggu flat baru mereka, daripada hampir 2,000 tahun ini kepada 4,000 dalam tempoh dua tahun akan datang.

Menteri Undang-Undang merangkap Ehwal Dalam Negeri, Encik K. Shanmugam, yang berucap tentang topik meninjau semula kemajmukan dengan tumpuan kepada kaum, berkata pluralisme pada terasnya adalah mengenai kesepaduan sosial.

“Jika kita berpecah-belah dan tidak bersatu, jika kita kehilangan teras pluralisme dan kewujudan bersama kita, jika masyarakat kita tidak stabil, itu menimbulkan persoalan kewujudan,” katanya.

Encik Shanmugam tidak menafikan bahawa terdapat manfaat tergolong dalam kaum majoriti di Singapura dan terdapat perkauman bersahaja atau *casual racism* dan sedikit prasangka di Singapura.

Namun Singapura telah menangani perkara ini dengan lebih baik daripada kebanyakan tempat-tempat lain, ujar beliau.

■ **Laporan lanjut**  
– Muka 4 & 5

## PERSIDANGAN ULANG TAHUN KE-35 INSTITUT PENGAJIAN DASAR (IPS)

# Hargai pencapaian individu dalam pendekatan baru bagi kejayaan: DPM Wong

► **NUR DHUHA ESOF**  
nurdhuha@sph.com.sg

Sesi pendampingan yang dijalankan pemerintah bersama warga Singapura sepanjang setahun lalu menunjukkan ada persetujuan bahawa kejayaan tidak begitu memberatkan pencapaian, tetapi lebih kepada makna hala tuju dan kepuasan melalui proses perjalanannya.

Menyatakan demikian ketika berucap di Persidangan Ulang Tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar (IPS) pada Isnin, Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong, berkata “kejayaan bukan tentang kemampuan sahaja, tetapi lebih mengenai nilai maknanya”.

Dalam ucapannya mengenai topik meninjau semula kompak sosial, Encik Wong berkata sesi pendampingan bersama rakyat yang dijalankan di bawah inisiatif Melakar Hala Tuju Singapura antara lain menyaksikan konsensus bahawa pendekatan baru bagi kejayaan dan

kemahiran diperlukan di bawah kompak sosial Singapura yang diperbaharui, selain sistem sokongan sosial yang dirombak, dan semangat perpaduan yang diperbaharui.

Encik Wong, yang juga Menteri Kewangan, berkata dari segi kejayaan, masyarakat masih mengaitkannya dengan pencapaian kebendaan tertentu, seperti gaji dan hartanah yang dimiliki.

“Semua orang prihatin tentang perkara asas dalam kehidupan – bekerja secara bermakna, mempunyai rumah, dan menyediakan keperluan untuk keluarga, baik anak-anak kita, mahupun ibu bapa kita. Ini penting dan mesti disediakan. Tetapi sejauh mana harus kita kejar matlamat kebendaan kita?” kata Encik Wong.

Beliau menambah bahawa akhirnya kejayaan ditentukan oleh setiap orang kerana tidak ada satu ukuran pencapaian.

“Kita mesti menghargai kejayaan setiap individu – masing-masing mengejar haluan sendiri,” katanya.

Pemikiran yang sudah berakar perlu diubah, walaupun ia bukan satu tugas yang mudah, tambahnya.



**TAKRIF KEJAYAAN:** Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong, berkata sesi pendampingan pemerintah bersama warga Singapura di bawah inisiatif Melakar Hala Tuju Singapura antara lain menunjukkan ada persetujuan bahawa pendekatan baru bagi kejayaan dan kemahiran diperlukan di bawah kompak sosial Singapura yang diperbaharui. – Foto ST

Encik Wong berkata warga juga perlu mengaitkan dengan peluang pembelajaran di pelbagai persimpangan kehidupan. Setiap orang mesti mempunyai peluang untuk mencuba lagi, melakukan yang lebih baik, dan bergerak ke hadapan dalam kehidupan bertahun-tahun selepas meninggalkan sekolah,” katanya.

Mengenai sokongan sosial, Singapura telah berhati-hati dalam mereka bentuk jaringan keselamatan sosialnya dalam cara yang meningkatkan rasa pemilikan dan kawalan ke atas keadaan diri sendiri bagi kumpulan mudah terjejas, ujarnya.

Sedang Singapura memasuki persekitaran lebih tidak menentu dan tidak dapat diramal, pemerintah akan melakukan lebih banyak untuk memberi jaminan kepada golongan pertengahan dan golongan mudah terjejas bahawa mereka boleh memenuhi keperluan mereka dalam kehidupan dan tidak ketinggalan, kata Encik Wong.

Langkah-langkah itu termasuk sokongan untuk pengangkur, keluarga berpendapatan lebih rendah, kumpulan mudah terjejas, termasuk mereka yang kurang upaya, dan warga emas.

Mengenai semangat perpaduan, Encik Wong berkata masyarakat perlu kurang mengenai “saya” dan “milik saya”, dan lebih banyak tentang “kami”, “kita” dan “milik kita”.

“Tiada siapa yang berjaya sendirian. Setiap kisah kejayaan adalah kisah yang dikongsi bersama. Kita semua berdiri di atas bahu mereka yang mendahului kita,” katanya.



**TINJAU SEMULA MERITOKRASI:** Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing, ketika berucap di Persidangan Ulang Tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar (IPS) di Pusat Konvensyen dan Expo Sands pada Isnin. – Foto LIANHE ZAOBAO

## Sumbangan pelbagai anggota masyarakat bentuk definisi meritokrasi S'pura seterusnya: Chun Sing

► **ZULAIQAH ABDUL RAHIM**  
zulab@sph.com.sg

Meritokrasi di Singapura harus melibatkan sumbangan kolektif daripada semua anggota masyarakat yang berbeza berdasarkan keupayaan terbaik mereka melebihi pencapaian peribadi, kata Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing.

Definisi merit yang lebih terangkum ini akan dapat menyatukan Singapura, tambah beliau.

Berucap semasa di Persidangan Ulang Tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar (IPS) pada Isnin, Encik Chan berkata:

“Definisi merit yang lebih terangkum boleh menyatukan kita kerana ia membolehkan kita menghormati dan memberi ganjaran bagi kebolehan yang berbeza, dan membina manah bagi kekuatan masing-masing, jadi kepelbagaian adalah sumber perpaduan untuk kita, bukan sumber perselisihan.”

Pada acara di Pusat Konvensyen dan Expo Sands itu, Encik Chan meninjau semula definisi kejayaan dan meritokrasi di Singapura ketika negara ini berdepan dengan cabaran baru dan kebimbangan mengenai jurang yang semakin meningkat dalam masyarakat.

“Meritokrasi telah membantu Singapura berjaya sepanjang 50 tahun lalu, tetapi malainkan kita secara sadar terus mengukuhkan sistem dan mengelakkan kesulitan yang tidak diduga, ia mungkin tidak dapat terus berbuat demikian bagi 50 tahun akan datang.”

“Tetapi hanya kerana ada cela dalam meritokrasi, seperti sembarang sistem lain... tidak bermakna kita harus melepaskan semuanya sama sekali,” kata beliau.

Persoalannya ialah bagaimana meritokrasi dapat membantu Singapura menjadi lebih relevan, berdaya saing dan bersepadu pada masa hadapan, ujarnya.

Encik Chan berkata matlamat ini dapat dicapai dengan menarik individu dan idea terbaik, mencari bakat terbaik yang pelbagai, dan menghormati serta memberi ganjaran bagi kebolehan yang berbeza.

“Paling penting, meritokrasi mesti digabungkan dengan nilai yang betul – rasa berterima kasih atas apa yang telah kita terima dan belas kasihan terhadap mereka yang tidak mempunyai kelebihan ini dalam hidup, dan rasa tanggungjawab kolektif untuk kita sama-sama meningkatkan semua orang,” tambahnya.

Dalam perbincangan panel bersama Profesor Madya Daniel Goh daripada Universiti Nasional Singapura (NUS), dan Profesor Madya Jason Tan daripada Institut Pendidikan Nasional (NIE) di persidangan itu, Encik Chan berkata:

“Saya ingin melihat Singapura berkembang menjadi sebuah masyarakat di mana kita boleh mencari kejayaan

bukan dengan pencapaian kita sendiri sahaja, tetapi, sebaliknya, melalui sumbangan kita.”

“Tidak kira apa kedudukan hidup seseorang, sama ada kita kaya atau miskin, sama ada kita berkecenderungan akademik atau sebaliknya, kita semua boleh menyumbang. Dan sumbangan anda mestilah setimpal dengan kemampuan anda.”

Beliau juga mendedahkan Anugerah Edusave, yang diberi kepada pelajar untuk mendorong mereka yang cemerlang di sekolah, akan diperluas untuk mengiktiraf mereka yang telah menyumbang kepada sekolah masing-masing dan masyarakat.

Anugerah itu diberi oleh Kementerian Pendidikan (MOE) secara tradisionya kepada pelajar berdasarkan keceMERLANGAN akademik.

Bagaimanapun, dari masa ke masa, ia telah berkembang meliputi aspek lain, seperti kegiatan kokurikulum, tamabah beliau.

## MOE perluas pengiktirafan Anugerah Edusave melebihi kecemerlangan akademik

Anugerah Edusave yang diberikan kepada pelajar sebagai motivasi untuk cemerlang, akan diluaskan untuk mengiktirafkan golongan pelajar yang telah menyumbang kepada sekolah dan masyarakat, kata Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing, pada Isnin.

Anugerah yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan (MOE) kepada pelajar itu lazimnya berdasarkan kecemerlangan akademik, kata beliau. Dengan masa, ia berkembang meliputi aspek selain akademik seperti kegiatan kokurikulum.

Berucap semasa perbincangan panel mengenai meritokrasi di persidangan ulang tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar (IPS), Encik Chan berkata: “Saya ingin melihat Singapura berkembang menjadi sebuah masyarakat di mana kita boleh mencari kejayaan bukan sahaja dengan pencapaian kita sendiri, bahkan sumbangan kita.”

“Tidak kira peringkat mana-

pun seseorang dalam kehidupan, sama ada kita kaya atau miskin, sama ada kita cenderung dalam bidang akademik atau sebaliknya, kita semua boleh membuat sumbangan. Dan sumbangan anda mesti setimpal dengan kebolehan anda.”

Menjawab keprihatinan mengenai pengukuhan rangkaian alumni, Encik Chan merujuk kepada rancangan menyatukan sekolah-sekolah kelompok, untuk menggalakkan alumni menyumbang melebihi masyarakat mereka sendiri.

“Saya telah merayu kepada beberapa alumni daripada sekolah cemerlang untuk berkhidmat dalam lembaga penasihat sekolah di luar sekolah mereka sendiri – bukan hanya untuk memberi mereka idea, (malah) membantu mereka mendapatkan peluang.”

“Daripada sekolah-sekolah yang bersaing antara satu sama lain, kita akan pasang dengan sekolah-sekolah atau kelompok

sekolah-sekolah yang bekerjasama dalam CCA yang berbeza, supaya mereka boleh membina rangkaian sosial dan berkongsi modal sosial,” tambah beliau.

Encik Chan berkata demikian mengenai keperluan mentakrifkan semula kejayaan dan meritokrasi, dalam konteks cabaran baru bagi Singapura dan kebimbangan tentang perbezaan yang semakin meningkat dalam masyarakat.

“Kejayaan di Singapura mestilah seperti satu sukan berpasukan. Ia bukan hanya mengenai setiap individu berlumba sendiri,” katanya.

Sebaliknya, tambah beliau, meritokrasi mesti mengenai sumbangan kolektif daripada anggota masyarakat yang berbeza kepada kebolehan mereka yang terbaik di luar pencapaian peribadi.

Dalam ucapan di acara yang diadakan di Pusat Konvensyen dan Ekspo Sands itu, Encik Chan menambah: “Meritokrasi telah membantu Singapura berjaya dalam 50

tahun yang lalu, tetapi jika kita tidak terus mengukuhkan sistem dan mengelakkan kesulitan, ia mungkin tidak akan terus berjaya bagi 50 tahun akan datang.”

“Walaupun meritokrasi mempunyai kekurangan seperti sistem lain... Tidak bermakna kita berputus asa.”

Persoalan sekarang ialah bagaimana meritokrasi boleh membantu Singapura menjadi lebih relevan, berdaya saing dan bersepadu pada masa hadapan, kata Encik Chan, dengan menarik orang dan idea yang terbaik, bakat yang pelbagai dan menghormati serta memberi ganjaran kepada kebolehan yang berbeza.

“Yang penting, meritokrasi mesti digabungkan dengan nilai-nilai yang betul – rasa terima kasih atas apa yang kita terima dan belas kasihan terhadap mereka yang tidak mempunyai kelebihan ini dalam kehidupan dan rasa tanggungjawab bersama untuk kita maju bersama-sama,” ujar beliau.

PERSIDANGAN ULANG TAHUN KE-35 INSTITUT PENGAJIAN DASAR (IPS)

# Perkauman wujud di S'pura, pastikan ia tidak jadi satu budaya: Shanmugam

► ZULAIQAH ABDUL RAHIM  
zulab@sph.com.sg

Dalam menangani isu berkaitan kaum, Singapura pertama harus menerima hakikat bahawa perkauman wujud di sini, seperti dalam mana-mana masyarakat, kata Menteri E-hwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam.

Beliau menambah bahawa Singapura perlu juga berusaha gigih untuk memastikan isu perkauman tidak berinstitusi.

Encik Shanmugam berkata demikian dalam ucapannya ketika meninjau semula pluralisme dan isu perkauman di Singapura dalam Persidangan Ulang Tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar (IPS) pada Isnin.

Beliau berkata: "Dan kita tidak boleh menafikan bahawa terdapat perkauman santai atau 'casual racism', beberapa prasangka di Singapura – seperti dalam mana-mana masyarakat."

"Tetapi kuncinya adalah kita, saya fikir, menanganinya dengan lebih baik daripada kebanyakan tempat. Dan seperti saya kata, kita telah cuba memastikan ia bukan sebahagian daripada institusi, ia tidak diinstitusikan."

Justeru, Encik Shanmugam berkata pemerintah memilih untuk mengambil pendekatan sensitif kaum dalam menangani isu perkauman.

Satu contoh yang dibangkitkan Encik Shanmugam adalah Dasar In-

"Jika anda melihat cabaran semasa, kami masih dalam proses untuk berkembang maju. Tiada masyarakat boleh mendakwa bahawa ia bebas daripada perkauman, dan saya fikir jika anda mendakwa itu, anda tidak akan bercakap benar.

Tetapi realitinya adalah kami tidak menumpukan tentang perbezaan kami. Kami tidak mengamalkan apa yang sesetengah tempat panggil pendekatan buta kaum. Kami tidak fikir kami harus mengabaikan kaum – itu tidak akan menyelesaikan masalah kami. Jadi kami mengambil pendekatan sensitif kaum.

Pemerintah menguruskan isu berkaitan kaum, untuk memastikan kaum minoriti tidak mengalami kekurangan."

– Menteri E-hwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam.

tegrasi Etnik (EIP).

Beliau berkongsi bahawa kira-kira satu dalam tiga rayuan berkaitan EIP tahun lalu berjaya – naik daripada 21 peratus pada 2020.

Rayuan ini membentuk "sebilangan kecil" – 1.5 peratus – daripada

semua permohonan jualan semula flat Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), katanya.

Pada 2022, HDB menerima 411 rayuan berkaitan EIP daripada pemi-



**SENSITIF KAUM:** Menteri E-hwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, ketika menjawab soalan yang dikemukakan semasa perbincangan panel di Persidangan Ulang Tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar (IPS) pada Isnin. – Foto ST

lik flat. Sehingga 21 Mac, HDB menerima 128 rayuan – 92 daripada pemilik flat kaum India/lain-lain, 29 daripada pemilik flat Melayu dan tujuh daripada pemilik flat Cina.

Di bawah EIP, yang diperkenalkan pada 1989, kuota ditetapkan untuk bilangan flat yang dimiliki oleh setiap kumpulan kaum dalam blok HDB atau kawasan kejiranan untuk mengelakkan kepadatan mana-mana kumpulan etnik.

Encik Shanmugam menambah: "Jika anda melihat cabaran semasa, kami masih dalam proses untuk berkembang maju. Tiada masyarakat boleh mendakwa bahawa ia bebas daripada perkauman, dan saya fikir jika anda mendakwa itu, anda tidak akan bercakap benar.

"Tetapi realitinya adalah kami tidak menumpukan tentang perbezaan kami. Kami tidak mengamalkan apa yang sesetengah tempat panggil pendekatan buta kaum. Kami tidak fikir kami harus mengabaikan kaum – itu tidak akan menyelesaikan masalah kami. Jadi kami mengambil pendekatan sensitif kaum.

"Pemerintah menguruskan isu berkaitan kaum, untuk memastikan kaum minoriti tidak mengalami kekurangan."

Encik Shanmugam juga berkata bahawa Kementerian E-hwal Dalam Negeri (MHA) akan memperkenalkan Akta Mengekalkan Keharmonian Kaum, untuk melindungi keharmonian kaum dengan lebih baik, dan menandakan kepentingan keharmoni-

nian kaum di Singapura.

Akta itu diumumkan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, dalam ucapannya di Rapat Hari Kebangsaan pada 2021.

Pengumuman itu dibuat selepas beberapa kejadian perkauman pada 2021, serta perbincangan orang ramai mengenai hubungan kaum di Singapura.

Encik Shanmugam turut menyerai satu perbincangan panel bersama editor pengurusan eksekutif *South China Morning Post*, Cik Zuraidah Ibrahim, dan pengarah eksekutif Persatuan Wanita bagi Tindakan dan Kajian (Aware), Cik Corinna Lim, dalam persidangan itu, yang berlangsung di Pusat Konvensyen dan Expo Sands.

## HDB ganda flat sewa sementara kepada 4,000

Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) akan mengetepikan lebih banyak perumahan sementara untuk keluarga sedang menanti flat baru mereka, dengan mengandakkan jumlah flat sewa sementara kepada 4,000 sepanjang dua tahun mendatang.

Mengumumkan langkah itu pada Isnin, Menteri Negara Kanan (E-hwal Luar merangkap Pembangunan Negara), Cik Sim Ann, berkata HDB telah mencapai sasaran sebelumnya untuk meningkatkan bekalan flat di bawah Skim Perumahan Sementara Keibubapaan (PPHS) daripada 800 unit pada 2021 kepada 1,800 pada 2023.

Jumlah flat sedemikian akan mencecah hampir 2,000 unit menjelang hujung tahun ini, kata beliau, sambil menambah bahawa kadar permohonan bagi skim itu telah berkurangan disebabkan bekalan lebih tinggi – daripada lebih 20 bagi setiap unit pada kira-kira tiga buat masa ini.

"Tetapi kami faham bahawa pembeli yang telah menempah flat mereka dalam dua tahun yang lalu mengalami masa menunggu lebih lama akibat Covid-19. Jadi, HDB sedang berusaha meningkatkan lagi bekalan PPHS, mengandakkannya kepada 4,000 unit sepanjang dua tahun mendatang," kata Cik Sim.

HDB juga sedang mengkaji cara memaksimumkan kumpulan flat PPHS yang ada, memandangkan permintaan yang berterusan dan bekalan terhad, kata beliau ketika berucap di Persidangan Ulang Tahun ke-35 Institut Pengajian Dasar

(IPS) di Pusat Konvensyen & Expo Sands.

Ini termasuk memerlukan perkongsian flat untuk flat lebih besar, membolehkan lebih ramai pembeli rumah yang menunggu rumah baru mereka mendapat manfaat daripada kadar sewa bersubsidi.

Mereka yang layak bagi flat PP-HS harus mempunyai pendapatan bulanan isi rumah \$7,000 atau lebih rendah, dan mempunyai flat belum siap daripada penjualan HDB.

Bercakap sebagai anggota panel 'meninjau semula perumahan', Cik Sim berkata hampir 40,000 rumah awam dan privet dijangka siap pada 2023 – jumlah paling banyak dalam lima tahun lalu.

"Isi rumah yang sedang sewa sementara menantikan rumah baru mereka siap, berkemungkinan mengosongkan unit mereka itu, sekali gus mengurangkan tekanan ke atas pasaran sewa," katanya.

Beliau menambah bahawa usaha HDB memenuhi permintaan perumahan awam – dengan meningkatkan bekalan flat dan mempercepat projek Bina Ikut Tempahan (BTO) yang tertunda – telah mula berkuat kuasa.

Dalam pelancaran BTO pada Mei, median kadar permohonan pembeli kali pertama flat tiga bilik atau lebih besar ialah sekitar 2.3 kali ganda, iaitu hampir pada tahap pra-Covid-19 berbanding sebelum ini.

Harga jualan semula HDB juga menyaksikan peningkatan terkecil pada suku lalu dalam tempoh lebih dua tahun, tambahnya.